



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	3/1/2020	MUKA SURAT	:	24
JABATAN	:	SPAN			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Paras ammonia tinggi dikesan di Sungai Muar

Muar: Bekalan air kepada 35,000 isi rumah di daerah ini mengalami gangguan selepas paras ammonia tinggi dikesan di Sungai Muar sejak semalam.

Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa, Pelaburan dan Utiliti Johor Jimmy Puah Wee Tse berkata, Badan Kawal Selia Air Negeri Johor (Bakaj) dan

Ranhill SAJ sudah berbin-cang bagi memulihkan sepenuhnya dan pembekalan semula ke kawasan yang ter-jejas.

“Maklumat terkini akan disalurkan dan pada masa sekarang, keadaan adalah stabil.

“Saya berharap semua pengguna dapat bersabar dengan keadaan sekarang

dan kami masih bekerja se-penuh masa untuk memas-tikan pemulihan sepenuhnya (bekalan) air di kawasan terjejas,” katanya kepada Bernama menerusi aplikasi WhatsApp, semalam.

Menurutnya, kerajaan negeri masih menyiasat punca dan sebab pencema-ran air yang dikesan sejak semalam itu. - Bernama